

D.R. 29/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 [*Akta 202*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif “subsidiari” takrif yang berikut:

‘ “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*];’.

Pindaan seksyen 3

3. Perenggan 3(f) dan (g) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Ketua Pendaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Suruhanjaya”.

Pindaan seksyen 7

4. Subseksyen 7(2) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dan liabiliti” dengan perkataan “, liabiliti, dan obligasi”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “liabiliti dan” perkataan “obligasi”.

Pemansuhan

5. Perenggan 3(b) dan seksyen 4 dan 5 Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2007 [Akta A1293] dimansuhkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 (“Akta 202”) terutamanya untuk membetulkan kesilapan terjemahan yang terdapat dalam seksyen 4 dan 5 Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2007 (“Akta A1293”). Sebahagian daripada Akta A1293 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008 kecuali perenggan 3(b) dan seksyen 4 dan 5.

2. *Fasal 3 dan 4* Rang Undang-Undang ini mengutarakan pembetulan yang perlu dibuat, manakala *fasal 5* bertujuan untuk memansuhkan perenggan 3(b) dan seksyen 4 dan 5 Akta A1293 kerana peruntukan itu tidak lagi berkaitan berikutan dengan pembuatan Akta yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan diberikan kuat kuasa ke belakang kepada tarikh Akta A1293 mula berkuat kuasa.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.